

Dadah Membawa Padah

Tatkala Kerajaan giat menjalankan usaha untuk membanteras penagihan dadah, PERTIWI dengan caranya sendiri berusaha mencari jalan untuk memerangi musuh besar negara dengan mengadakan program preventif. PERTIWI telah mengemukakan suatu memorandum kepada Bahagian Antidadah Jabatan Perdana Menteri yang mengandungi cadangan kepada sekolah-sekolah untuk mengendalikan program 'Kolokium Membina Ketahanan Diri'.

PERTIWI sedar bahawa masalah dadah bukanlah masalah yang boleh diselesaikan dalam satu hari atau satu bulan. Apa yang perlu ada ialah sikap dan pandangan terhadap dadah. Kepada PERTIWI usaha untuk menghapuskan dadah harus dikekalkan walaupun teknik dan pendekatan yang digunakan berubah.